



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

**SIARAN MEDIA:
LAGI IKRAR DERMA ORGAN**

Putrajaya, 23 Mac 2015 – Beberapa lagi “public figure” telah berikrar sebagai penderma organ iaitu **Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank Datuk Abdul Farid Alias, Ketua Pegawai Eksekutif Media Prima Bhd, En Ahmad Izham Omar, Ketua Pegawai Operasi Media Prima Bhd, En Seelan Paul** dan selebriti / penyampai radio terkenal **Farah Fauzana**. Pada 21 Mac 2015 (melalui Kenyataan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia), pengacara dan penyampai radio terkenal **Faizal bin Ismail (FBI)** telah berikrar sebagai penderma organ semasa Rancangan Nasi Lemak Kopi O di TV9 yang turut disaksikan oleh selebriti **Imam Muda Asyraf** yang juga sudah lama berikrar sebagai penderma organ.

IM Asyraf juga merupakan Duta Derma Organ yang telah dilantik secara sukarela oleh pihak Kementerian. Ikrar derma organ bererti seseorang melahirkan hasrat untuk menderma organ selepas meninggal dunia. Seseorang yang telah berikrar dinasihatkan untuk memberitahu ahli keluarga terdekat mengenai hasratnya kerana berdasarkan peruntukan Akta Tisu Manusia 1974, hanya ahli keluarga sahaja yang berhak untuk memberi kebenaran untuk menderma organ si mati pada saat kematian. Fatwa Kebangsaan yang dikeluarkan pada tahun 1970 telah mengharuskan pendermaan organ.

Ikrar FBI dan IM Asyraf memberi harapan kepada lebih 19,000 pesakit yang memerlukan. Rakyat Malaysia disarankan untuk menjaga kesihatan diri dengan mengamalkan cara hidup yang sihat bagi mengelak penyakit tidak berjangkit seperti kencing manis dan darah tinggi seterusnya mengelak penyakit kegagalan organ seperti buah pinggang.

Maklumat lanjut atau pertanyaan mengenai derma organ boleh didapati di www.dermaorgan.gov.my atau [www.facebook.com / dermaorgan](https://www.facebook.com/dermaorgan).

#dermaorgan

Pusat Sumber Transplan Nasional
Kementerian Kesihatan Malaysia

Tarikh: 23 Mac 2015